

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Empat lagi kematian

14 korban keseluruhan dicatat sehingga semalam

Oleh Fahmi A Rosli dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia mencatatkan pertambahan empat kes kematian baharu berkaitan COVID-19 setakat jam 12 tengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di negara ini adalah 14 kes.

"Kematian ke-11 adalah kes ke-1,070 iaitu lelaki berumur 70 tahun warga tempatan.

"Beliau mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan dirawat di ICU Hospital Canselor Tuanku Muhriz dan disahkan meninggal dunia 22 Mac lalu (kelmarin)," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kematian ke-12 pula ialah kes ke-1,114 iaitu lelaki berumur 70 tahun yang juga warga tempatan.

"Beliau ialah jemaah tabligh yang menghadiri perhimpunan di Masjid Seri Petaling dan dirawat di Hospital Kluang. Beliau disahkan meninggal dunia pada hari ini (semalam).

"Kematian ke-13 adalah kes ke-1,006 ialah lelaki berumur 49 tahun warganegara Malaysia.

"Beliau yang dirawat di Hospital Umum Sarawak adalah anak kepada kes ke-1,031. Beliau disahkan meninggal dunia pada hari ini (semalam)," katanya.

Beliau berkata, kematian ke-14 pula ialah kes ke-595, iaitu wanita



Dr Noor Hisham pada sidang media berkenaan COVID-19 di Kementerian Kesihatan, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

51 tahun warga Malaysia.

"Mangsa adalah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 daripada kluster tabligh dan dirawat di Hospital Miri sebelum disahkan meninggal dunia hari ini (semalam)," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, daripada 212 kes baharu yang dilaporkan semalam, sebanyak 123 kes adalah berkaitan dengan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Jamek Seri Petaling.

"Sehingga kini, 57 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada

jumlah itu, 27 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, terdapat 20 kes yang sudah pulih dan dibenarkan pulang semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya daripada COVID-19 dan dibenarkan pulang dari wad, sebanyak 159 kes.

Dalam pada itu beliau berkata, sehingga kini pihak Kementerian Kesihatan (KKM) berjaya memperoleh stok bekalan peralatan perlindungan diri (PPE), sebanyak 33 juta unit.

Beliau berkata, stok berkenaan mampu menampung penggunaan di semua fasiliti kesihatan dan akan diedarkan dalam minggu ini.

"Selain itu, pihak kerajaan juga sudah menerima sumbangan bekalan PPE daripada pelbagai pihak dan sejumlah tiga juta unit PPE sedang diagihkan ke fasiliti-fasiliti kesihatan, mengikut keperluan.

"Pihak KKM ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak atas sumbangan mereka," katanya.